

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	31 JAN 2015

# Najib mahu rakyat beli produk Malaysia



» *Saranan  
bantu kekal  
pertumbuhan  
ekonomi negara*

Oleh Nazura Ngah  
nazura\_ngah@bh.com.my

h Kuala Lumpur

**B**eli barangan buatan tempatan untuk bantu kekal pertumbuhan ekonomi negara.

Itulah saranan Datuk Seri Najib Razak kepada rakyat untuk mengurangkan pengaliran

wang ke luar negara, sekaJi gus merangsang pembangunan industri tempatan.

"Sebagai negara yang giat membangun, ekonomi negara kita ke arah ekonomi maju, kepakaran kita dalam teknologi pembuatan makin meningkat.

"Banyak produk Malaysia hari ini bukan sahaja memiliki kualiti yang setanding, malah ada yang lebih baik daripada produk import," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian dalam rakaman Siaran Radio Perdana Menteri mengenai peranan rakyat merangsang ekonomi negara yang dimuat naik dalam blog NajibRazak.com, semalam.

**tt**

*Banyak produk  
Molaysia hari ini  
bukan sahaja  
memiliki kualiti  
yang setanding,  
malah ada  
yang lebih baik  
daripada  
produk import"*

*Najib Razak,  
Perdana Menteri*

**Langkah kurangkan impak**

Najib berkata, kebanyakan negara dunia ketika ini sedang mengalami kesan kejatuhan harga minyak dan nilai mata wang.

Beliau berkata, Malaysia juga tidak terkecuali dan kerajaan mengambil langkah sewajarnya bagi mengurangkan impak terhadap ekonomi negara.

"Sebagai rakyat Malaysia, kita boleh membantu mengekalkan pertumbuhan ekonomi negara dengan menyokong dan membeli barangan buatan tempatan. Oleh itu, marilah kita membeli barangan buatan Malaysia," katanya.